

KURSUS INTEGRITI DAN ANTI RASUAH (KIAR): IMPAK TERHADAP SIKAP DAN TINGKAH LAKU MAHASISWA DALAM MENANGANI CABARAN RASUAH

Hadijah Johari

Kulliyyah Kaunseling dan Sains Sosial, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul

Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), Kedah, MALAYSIA

Email: hadijah@unishams.edu.my

Anas Suzastri Ahmad

Pusat Pengajian Muamalat dan Sains Pengurusan

Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang

E-mail: anas_suzastri@kitab.edu.my

ABSTRAK

Strategi Pembanterasan Rasuah (NACS) 2024-2028 telah memperkenalkan beberapa strategi baharu antaranya 13 Strategi Pendidikan dalam usaha menangani pelbagai isu berkaitan tatakelola, integriti, dan pencegahan rasuah demi kesejahteraan rakyat melalui agenda Malaysia MADANI. Justeru, meninjau ketersediaan pelaksanaan kursus Integriti dan Anti Rasuah (KIAR) dalam kalangan mahasiswa maka kajian ini dijalankan bagi memperincikan dapatan berkaitan pengetahuan am masalah rasuah dalam negara, sikap kognitif dan sikap efektif mahasiswa terhadap rasuah serta niat tingkah laku mahasiswa untuk rasuah atau tidak rasuah pada masa akan datang. Kajian ini menggunakan korelasi deskriptif sebagai metodologi penyelidikan. Kajian membuktikan bahawa terdapat korelasi positif di antara niat rasuah dan sikap kognitif apabila Nilai Pearson Correlation sebesar 0.326 dan Nilai Signifikansi (2-tailed) sebesar 0.079 maka data membuktikan adanya hubungan yang sederhana tetapi kajian tentang niat rasuah dan sikap efektif mendapatkan bahawa wujud korelasi negatif yang redah dengan Nilai Pearson Correlation sebesar -0.280 dan Nilai Signifikansi (2-tailed) sebesar 0.134. Keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa masih terdapat banyak perkara yang perlu diberikan perhatian terhadap kajian-kajian berkaitan impak Kursus Integriti dan Anti Rasuah (KIAR) iaitu salah satu kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) terhadap sikap dan tingkah laku mahasiswa dalam menangani cabaran rasuah termasuk kajian korelasi antara sikap dan tingkah laku yang mempertimbangkan konteks sosial dan budaya tempatan. Kesimpulannya, kajian-kajian seterusnya berkaitan Kursus Integriti dan Anti Rasuah (KIAR) perlu dijalankan bagi memenuhi agenda perubahan dalam dunia pendidikan negara dan hasil kajian ini boleh dijadikan rujukan bagi pengkaji akan datang bagi melakukan kajian lanjutan.

Kata kunci : Kursus Integriti dan Anti Rasuah (KIAR), Rasuah, Sikap kognitif, Sikap efektif, Tingkah laku

1. Pengenalan

Surat edaran Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) bertarikh 10 Mei 2023 memaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) Siri 14 Bilangan 1/2021 telah memutuskan supaya kursus Integriti dan Anti Rasuah (KIAR) akan dilaksanakan di semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) sebagai kursus wajib dalam Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) kepada pelajar baharu mulai 1 September 2023 dengan pilihan iaitu Pemberi Pengajian Tinggi (PPPT) boleh menempatkan kursus Integriti dan Anti Rasuah (KIAR) di bawah kelompok MPU berstruktur konvensional (kelompok U3/ U4) atau berstruktur kombinasi (kelompok U2/U3 atau U4). Selain itu, dimaklumkan bahawa KIAR hanya perlu diambil sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian sama ada pada peringkat Sijil, Diploma atau Sarjana Muda. Walau bagaimanapun, kursus ini adalah dibenarkan untuk dipindah kredit secara menegak (*vertical credit transfer*) tetapi pelajar hanya dibenarkan untuk memindah kredit sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian iaitu sekiranya pelajar telah memindah kredit secara menegak bagi kursus KIAR pada peringkat Diploma dan melanjutkan pengajian pada peringkat Sarjana Muda maka pelajar tersebut diberikan pengecualian mengambil KIAR dan perlu mengambil kursus lain untuk memenuhi jam kredit bergraduat.

Sehubungan itu, kajian tentang persepsi dan tingkah laku pelajar ketika berdepan dengan cabaran rasuah melalui kursus Integriti dan Anti Rasuah (KIAR) iaitu salah satu kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) merupakan usaha penting untuk memahami sejauh mana pendidikan formal dalam bidang ini dapat membentuk sikap dan tindakan generasi muda terhadap isu rasuah pada masa akan datang. Hal ini, kerana kursus ini bermatlamat untuk membudayakan integriti dan menanam perasaan benci pada jenayah rasuah dalam kalangan pelajar IPT malah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengharapkan inisiatif ini mampu menjadikan masyarakat Malaysia sebagai ‘komuniti berdasarkan integriti’ atau ‘*integritybased community*’. (Mohamad Tarmize Abdul Manaf et al. 2020). Hakikatnya, rasuah merupakan isu utama yang menghalang pembangunan ekonomi dan kemajuan negara kerana peningkatan rasuah sebanyak 1 peratus akan mengakibatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara akan menurun sebanyak 1.618 peratus (Md Zyadi Md Tahir et al. 2008). Malah lebih parah apabila dikatakan bahawa Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2024 akan berada pada trend yang membimbangkan kerana terkait dengan pelbagai isu termasuk pembebasan tanpa dilepaskan (DNAA) Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid dalam kes Yayasan Akal budi walaupun Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2023 yang diumumkan oleh *Transparency International Malaysia* (TI-M) pada awal Januari 2024 lalu menunjukkan bahawa Malaysia mencapai 50 mata pada 2023 berbanding 47 mata tahun sebelumnya dengan peningkatan tiga mata dalam kajian yang dijalankan lalu membantu Malaysia berada pada kedudukan 57 dalam CPI bagi tahun 2023 berbanding kedudukan 61 pada 2022 (Adib Povera. 2024).

Justeru, sebagai langkah pendidikan awal kepada generasi muda maka pihak pentadbir telah mewajibkan penawaran kursus KIAR dilaksanakan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Hal ini, bertujuan untuk mengajar dan menyediakan mahasiswa tentang ilmu dan nilai integriti juga kesedaran tentang bahaya rasuah berdasarkan surat edaran Jabatan Pengajian Tinggi pada 9 Oktober 2023. Tujuan kajian ini adalah untuk menilai pengetahuan am, impak kursus terhadap persepsi pelajar tentang rasuah serta untuk menentukan kaedah pengajian kursus ini dalam mempengaruhi tingkah laku apabila isu rasuah menjadi kebimbangan awam. Walau bagaimanapun, kajian rasuah dalam konteks aplikasi pendidikan masih terhad maka diharap kajian ini akan memberikan maklumat penting kepada semua pihak agar dapat membuat penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanan pendidikan pencegahan rasuah dalam kalangan mahasiswa sebagai usaha pencegahan awal pada masa hadapan.

Antara tujuan penting kajian ini adalah untuk :

1. Mengenal pasti tahap pengetahuan am rasuah dalam kalangan mahasiswa UniSHAMS.
2. Mengenal pasti niat tingkah laku mengikut item dalam kalangan mahasiswa UniSHAMS terhadap masalah rasuah
3. Mengkaji hubungan antara sikap kognitif dan sikap efektif dengan niat tingkah laku untuk rasuah atau tidak?

Soalan kajian adalah seperti berikut :

1. Apakah tahap pengetahuan am rasuah dalam kalangan mahasiswa UniSHAMS?
2. Apakah niat tingkah laku mengikut item dalam kalangan mahasiswa UniSHAMS terhadap masalah rasuah?
3. Bagaimanakah hubungan antara sikap kognitif dan sikap efektif dengan niat tingkah laku untuk rasuah atau tidak?

2. Metodologi kajian

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) kualitatif merujuk pada sesuatu yang berlandaskan kualiti dan bukannya kuantiti yang bersifat kuantitatif. Satu perbezaan yang ketara antara penyelidikan kualitatif dan kuantitatif ialah penggunaan perkataan dalam kandungan kualitatif dan nombor dalam penyelidikan kuantitatif. Justeru, kajian ini memaparkan tinjauan kuantitatif yang menggunakan data statistik untuk menguruskan sample soal selidik dan menjelaskan kepercayaan sikap, tingkah laku dan sifat populasi dengan objektif penyelidikan deskriptif. Penyelidik menggunakan teknik sample rawak mudah bagi kajian tinjauan terhadap 42 orang pelajar yang mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi berteraskan Islam. Menurut Chua (2006) mananya unit atau subjek dalam populasi mempunyai kebarangkalian yang sama untuk dipilih sebagai responden kajian menggunakan persampelan rawak asas. Kajian ini menggunakan soal selidik yang telah disahkan dan telah disesuaikan daripada Damianus Abun et al. (2020) yang mengadaptasi skala ATC atau Skala Sikap Terhadap Rasuah Gbadamosi, G. & Bello, M (2009), Sikap Terhadap Rasuah Transparency International Cambodia (2015).

Instrumen kajian ini mempunyai 5 bahagian iaitu demografi, pengetahuan am rasuah, sikap kognitif, sikap efektif dan niat tingkah laku mahasiswa untuk rasuah atau tidak rasuah pada masa depan. Pemilihan pelajar Kulliyyah Perubatan dan Sains Kesihatan dapat mewakili populasi seluruh pelajar UniSHAMS kerana mewakili beban yang sama iaitu pelajar baharu ambilan sesi semester satu September 2023/2024 seperti yang dinyatakan dalam surut arahan JPT. Kaedah pensempelan rawak mudah digunakan dan saiz sampel berdasarkan jadual penentuan saiz sample yang diberikan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Seterusnya, tafsiran nilai min untuk kajian ini berdasarkan pada 5 skala likert dalam Jadual 1.

Jadual 1 : Skala 5 likert

Skala	Pemberat min skala interval	Persamaan deskriptif min
5	4.21 - 5.00	Sangat tinggi
4	3.41 - 4.20	Tinggi
3	2.61 - 3.40	Sederhana
2	1.81 - 2.60	Rendah
1	1.00 - 1.80	Sangat rendah

3. Dapatan Kajian dan Perbincangan

3.1 Profil Demografi

Bahagian ini akan membincangkan dapatan kajian dengan menggunakan beberapa analisis seperti kekerapan peratus dan min. Demografi responden terdiri daripada 30 orang pelajar Kulliyyah Perubatan dan Sains Kesihatan dengan 33.3 peratus responden lelaki dan 66.6 peratus responden perempuan. Seterusnya dikenal pasti bahawa seorang pelajar berumur 19 tahun, 21 orang pelajar berumur 20 tahun, 5 orang pelajar berumur 21 tahun dan 3 orang pelajar berumur 21 tahun ke atas dengan 21 orang daripadanya pelajar tahun satu dan baki 3 orang daripadanya pelajar tahun dua.

Selain itu, turut dikenal pasti bahawa 20 orang pelajar bersetuju kursus Integriti dan Anti Rasuah (KIAR) diwajibkan kepada pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tetapi terdapat 10 orang pelajar tidak bersetuju dengan penawaran kursus tersebut buat masa ini. Kewajaran kursus KIAR ditawarkan kepada pelajar IPT perlu diambil perhatian sewajarnya memandangkan dapatan kajian mendapati 12 orang pelajar berpendapat bahawa isu amalan rasuah di Malaysia sangat tidak memuaskan, 9 orang berpendapat ianya tidak memuaskan, 6 orang berpandangan neutral dan masing-masing 2 orang berpandangan ianya pada tahap memuaskan dan 1 orang berpendapat ianya sangat memuaskan.

Jadual 2: Tahap pengetahuan am berkaitan masalah rasuah dalam negara

	Bil.	Min	Sisihan Piawai	Persamaan Deskriptif min
Tahap Pengetahuan Am	30	2.5476	.60036	Rendah

Jadual 2 di atas mendapati bahawa tahap pengetahuan am berkaitan masalah rasuah dalam kalangan pelajar di UniSHAMS pada keseluruhannya adalah Rendah (min.25476, SP : .60). Hal ini, dikenal pasti akibat tiadanya pendidikan dan kesedaran awal melalui kurikulum secara formal atau masalah tidak dapat dilihat kesan langsung rasuah dalam amalan hidup seharian yang akhirnya menghilangkan rasa kepekaan terhadap isu semasa negara. Walau bagaimanapun, dengan adanya kemudahan mengakses maklumat daripada sumber yang berautoriti menyebabkan keadaan ini masih dianggap terkawal. Sehubungan itu, isu ini perlu segera ditangani kerana kajian oleh Cyril CristiansonHildi,(2022) mendapati bahawa rasuah mendatangkan kesan negatif apabila 30 orang pelajar (85.7%) pelajar percaya bahawa ekonomi negara tidak akan stabil akibat rasuah manakala 28 orang pelajar (80%) lagi percaya bahawa kepercayaan terhadap seseorang pemimpin ataupun masyarakat akan berkurang apabila rasuah menjadi budaya hidup.

Seterusnya, Jadual 3 di bawah mendapati bahawa tahap niat tingkah laku terhadap rasuah dalam kalangan pelajar di UniSHAMS pada keseluruhannya sangat tinggi (min.4.4800, SP:.52680). Hal ini, jelas memerlukan perhatian lanjut memandangkan mahasiswa hari ini ialah pewaris kecemerlangan negara pada masa akan datang. Hakikatnya, pelbagai faktor dilihat mempengaruhi pilihan pelajar untuk terlibat dengan rasuah pada masa akan datang antaranya faktor tiada kesedaran terhadap kesan serius yang boleh dialami jika tertangkap melakukan rasuah termasuk kehilangan reputasi dan kariernya.

Jadual 3: Tahap niat tingkah laku terhadap rasuah

	Bil.	Min	Sisihan Piawai	Persamaan Deskriptif min
Tahap niat tingkah laku terhadap rasuah	30	4.4800	.52680	Sangat tinggi

Jadual 4: Tahap niat tingkah laku terhadap rasuah mengikut item

Niat tingkah laku terhadap masalah rasuah	Min	Sishan Piawai	Persamaan Deskriptif min
1. Saya boleh memberi wang atau hadiah kepada doktor atau jururawat untuk menjaga ibu saya yang sakit dengan lebih baik.	4.1000	1.12495	Tinggi
2. Saya lebih suka memberikan pekerjaan kepada saudara saya daripada orang lain walaupun dia kurang kelayakan.	4.3333	.71116	Sangat tinggi

3.	Sukar untuk menolak rasuah apabila semua orang melakukannya	4.3333	.84418	Sangat tinggi
4.	Tidak salah untuk menawarkan bayaran tidak rasmi untuk penyelesaian kes saya.	4.4333	.93526	Sangat tinggi
5.	Boleh memberi bayaran tambahan sebagai hadiah kepada pegawai awam untuk mempercepatkan pendaftaran kenderaan saya.	4.4667	.81931	Sangat tinggi
6.	Tidak mengapa memberi wang atau hadiah kepada guru untuk mendapatkan gred yang baik untuk saya.	4.5000	.90019	Sangat tinggi
7.	Saya terima melakukan sesuatu yang haram untuk hidup.	4.5667	.89763	Sangat tinggi
8.	Boleh mengambil bahagian dalam rasuah jika melibatkan jumlah yang besar kerana ia akan membantu anak-anak saya untuk pergi ke sekolah	4.6667	.84418	Sangat tinggi
9.	Jika saya menjadi pemimpin pada masa hadapan maka saya boleh melakukan sesuatu yang haram jika ianya memberi manfaat kepada keluarga saya.	4.7000	.79438	Sangat tinggi
10.	Tidak mengapa menipu jika ia menguntungkan saya, keluarga saya dan rakan-raka saya	4.7000	.59596	Sangat tinggi

Seterusnya berdasarkan Jadual 4 secara keseluruhannya daripada dapatan niat tingkah laku pelajar mencapai purata min sangat tinggi dengan *score* 4.21 - 5.00 maka boleh dijangka ianya sebagai persetujuan niat tindakannya untuk melakukan rasuah. Hal ini, dipergaruhi oleh faktor tahap pengetahuan yang rendah terhadap isu rasuah memandangkan hampir keseluruhan responden merupakan pelajar tahun satu yang tiada pendidikan formal semasa berada pada tahap pengajian menengah dan tahap pengajian rendah. Justeru, secara umumnya, pelajar bersetuju dengan cadangan soalan apabila dikatakan bahawa saya boleh memberikan wang atau hadiah kepada doktor atau jururawat untuk menjaga ibu saya yang sakit dengan lebih baik (4.10), saya lebih suka memberikan pekerjaan kepada saudara saya daripada orang lain walaupun dia kurang kelayakan (4.33), sukar untuk menolak rasuah apabila semua orang melakukannya (4.33), tidak salah untuk menawarkan bayaran tidak rasmi untuk penyelesaian kes saya (4.33), boleh memberikan bayaran tambahan sebagai hadiah kepada pegawai awam untuk mempercepatkan pendaftaran kenderaan saya (4.46), tidak mengapa memberikan wang atau hadiah kepada guru untuk mendapatkan gred yang baik untuk saya (4.50), saya terima melakukan sesuatu yang haram untuk hidup (4.56), boleh mengambil bahagian dalam rasuah jika melibatkan jumlah yang besar kerana ia akan membantu anak-anak saya untuk pergi ke sekolah (4.66) dan paling tinggi *score* ialah (4.70) bagi persoalan jika saya menjadi pemimpin pada masa hadapan maka saya boleh melakukan sesuatu yang haram jika ianya memberikan manfaat kepada keluarga saya dan tidak mengapa menipu jika ia menguntungkan saya, keluarga saya dan rakan-rakan saya. Hakikatnya, dapatan ini jauh berbeza dengan hasil kajian oleh Damianus Abun,(2020) yang mendapati bahawa niat tingkah laku pelajar secara keseluruhannya mencapai purata min 2.44 kerana pelajar telah diberikan maklumat berkaitan rasuah melalui sistem pendidikan awalnya maka boleh difahami data tersebut sebagai ketidaksetujuan pelajar untuk rasuah kerana telah mempunyai pengetahuan atau sikap kognitif sedia ada.

Jadual 5 Korelasi antara sikap kognitif dan sikap efektif terhadap rasuah.

		Correlations		
		Niat	Efektif	Kognitif
Niat	Pearson Correlation	1	-.280	.326
	Sig. (2-tailed)		.134	.079
	N	30	30	30
Efektif	Pearson Correlation	-.280	1	.045
	Sig. (2-tailed)	.134		.812
	N	30	30	30
Kognitif	Pearson Correlation	.326	.045	1
	Sig. (2-tailed)	.079	.812	
	N	30	30	30

Berdasarkan Jadual 5, korelasi Pearson menunjukkan bahawa Nilai Pearson Correlation antara niat rasuah dan kognitif ialah 0.326 dengan Nilai Signifikansi (2-tailed) sebesar 0.079. Korelasi positif ini menjelaskan bahawa adanya hubungan yang sederhana antara niat rasuah dengan kognitif (pemikiran). Jika tingkat kognitif seseorang semakin tinggi, maka mungkin ada kecenderungan yang lebih tinggi untuk memiliki niat rasuah pada masa depan. Namun demikian, signifikansinya belum terlalu kuat secara statistik (nilai signifikansi > 0.05). Seterusnya, korelasi antara niat rasuah dan efektif menunjukkan bahawa Nilai Pearson Correlation sebesar -0.280 dengan Nilai Signifikansi (2-tailed) sebesar 0.134. Hal ini, menjelaskan bahawa adanya korelasi negatif yang rendah antara niat rasuah dengan efektif. Jika tingkat efektif seseorang (emosi) semakin tinggi, maka kemungkinan niat untuk melakukan rasuah cenderung lebih rendah, meskipun hubungannya tidak kuat secara statistik. Akhirnya, korelasi antara efektif dan kognitif membuktikan Nilai Pearson Correlation sebesar 0.045, dengan Nilai Signifikansi (2-tailed) sebesar 0.812. Hal ini, menunjukkan bahawa korelasi ini sangat rendah dan tidak signifikan secara statistik antara efektif (emosi) dan kognitif (pemikiran) atau dengan kata lain tidak ada hubungan yang jelas antara tingkat emosi dengan tingkat pemikiran dalam konteks ini.

Secara tidak langsung dapatan kajian ini menunjukkan perbezaan dengan hasil kajian Damianus Abun (2020) apabila kajiannya tidak menemui korelasi yang signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed) antara sikap kognitif dan niat untuk melakukan atau tidak melakukan rasuah pada masa depan. Namun demikian, kajian tersebut menemui persamaan apabila dikenal pasti bahawa sikap kognitif dan efektif terhadap rasuah tidak berkait secara signifikan dengan niat untuk melakukan rasuah. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa walaupun responden mengetahui tentang keberadaan dan amalan rasuah yang dilakukan oleh orang lain namun, tidak semestinya mempengaruhi responden untuk melakukan hal yang sama pada masa depan. Selain itu, sikap kognitif terhadap rasuah membuktikan bahawa pengetahuan atau pemahaman tentang rasuah sementara sikap efektif melibatkan perasaan terhadap rasuah seperti rasa sedih atau tidak senang. Namun begitu, kajian ini menegaskan bahawa pengetahuan atau perasaan terhadap rasuah tidak secara langsung mendorong seseorang untuk melakukan rasuah. Hakikatnya, banyak faktor lain dalam masyarakat seperti budaya turut mempengaruhi kecenderungan seseorang untuk terlibat dalam rasuah. Akhirnya, secara keseluruhan responden menunjukkan ketidaksetujuan terhadap amalan rasuah tetapi masih mungkin melakukan jika ada kesempatan atau situasi yang memungkinkannya.

4. Kesimpulan

Penemuan kajian ini dalam konteks semasa membuktikan bahawa hubungan antara sikap dan tingkah laku tidak semata-mata bergantung kepada sikap efektif dan kognitif. Hal ini, kerana terdapat banyak faktor persekitaran lain yang turut mempengaruhi tingkah laku manusia seperti agama dan norma sosial. Oleh itu, kajian akan datang harus meneliti korelasi antara sikap dan tingkah laku dengan mempertimbangkan konteks sosial dan budaya tempatan. Selain itu, kerajaan perlu mempeluaskan pelaksanaan sistem pendidikan awal tentang rasuah dengan menawarkan kursus Integriti dan Anti Rasuah (KIAR) tidak hanya pada peringkat pendidikan tinggi, tetapi juga pada tahap pendidikan rendah dan menengah. Hal ini, bagi membolehkan pelajar tidak hanya mempertimbangkan aspek kognitif dan efektif terhadap rasuah tetapi juga menilai amalan sosial yang sedia ada dan memutuskan sama ada untuk mengubah atau mempertahankannya sebagai cara hidup. Hakikatnya, menangani isu rasuah menjadi tanggungjawab bersama sama ada secara individu, keluarga, masyarakat, kerajaan dan negara melalui pendekatan holistik yang melibatkan pelbagai faktor kerana “katakan tidak pada rasuah” malah “Rasuah dihina, maruah dibina”.

5. Rujukan

- Adib Povera. (2024). *Kedudukan Malaysia dalam indeks rasuah dunia meningkat*. [Online]: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1206647/kedudukan-malaysia-dalam-indeks-rasuah-dunia-meningkat> (akses pada 7 Jun, 2024)
- Cyril Cristianson Hildi, Cornelius Blaun anak Daniel, Muhammad Aqil Danish Mohd Suffian, Isyraf Haziq Md Parid, Muhammad Hanif Irfan Haszreiman. (2022). *Kesan Rasuah terhadap Negara: Kajian Rintis daripada perspektif Mahasiswa UTHM*. [Online]: <https://penerbit.utm.edu.my/periodicals/index.php/hsp/article/view/12415/3777> (akses pada 7 Jun, 2024)
- Damianus Abun. (2020). *Students' Attitude toward Corruption and their Behavioural Intention to Corrupt or not to Corrupt in the Future: The Philippines' Context*. [Online]: https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=3817121 (akses pada 7 Jun, 2024)
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). Kamus dewan: Edisi keempat (4th ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohamad Tarmize Abdul Manaf et al. (2020). *Nota Pencegahan Rasuah*. Putrajaya: [Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia]